

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 4 APRIL 2017, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 9**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1351-MQT0072  
**Datuk William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca calon yang telah lama memohon pekerjaan di SPA tetapi tidak pernah dipanggil temu duga. Banyak rungutan daripada rakyat mengenai perkara ini dan apakah tindakan Kerajaan.
  
2. PR-1351-MQT0071  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah kadar pengangguran daripada kalangan graduan dan belia meningkat dan langkah-langkah bagaimana untuk menyelamatkan graduan daripada terus menganggur.
  
3. PR-1351-MQT0076  
**Dato' Hasbullah Bin Osman [ Gerik ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak NADMA mengambil alih fungsi pengurusan bencana daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan cawangan NADMA di peringkat negeri bagi memantapkan lagi penyelarasan bencana di seluruh negara.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 4 APRIL 2017, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 18**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1351-L00219  
**Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pelaksanaan dividen setiap bulan kepada peserta FELCRA yang perlu diperluaskan ke seluruh negara berbanding pembayaran dividen yang masih dilakukan tiga kali setahun pada masa ini.
2. PR-1351-L00558  
**Dr. Azman Bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai hasil kejayaan IPTA di dalam menjana pendapatan sendiri setakat ini dan IPTA manakah yang paling berjaya.
3. PR-1351-L00367  
**Datuk Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian membuat kajian semula keseimbangan diantara skim gaji rakyat Malaysia bagi sektor swasta dan industri dengan kenaikan kos sara hidup terutama bagi penduduk yang tinggal di bandaraya dan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar skim gaji bagi mengimbangi kehidupan rakyat.
4. PR-1351-L00774  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap kedatangan pelarian Rohingya dan usaha-usaha penyelarasan terhadap mereka yang berada di negara ini.

5. PR-1351-L00309  
**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah wujud kerjasama di antara pihak Kementerian dengan Dewan Perdagangan Malaysia-Cina (MCCC) bagi menarik minat lebih ramai golongan Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka di China terutama dalam aspek pasaran halal kerana buat masa ini kurang daripada 10 peratus usahawan bumiputera yang terlibat dengan MCCC.
6. PR-1351-L00142  
**Puan Zuraida Binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha setakat ini dalam mengurangkan beban cikgu-cikgu sekolah dengan kerja-kerja administrasi yang lebih banyak daripada memberi penumpuan kepada anak-anak murid.
7. PR-1351-L00663  
**Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa unit rumah yang telah dibina di bawah program Rumah Bina Negara bagi tahun 2016 serta berapa unit permohonan dalam proses kelulusan dari pihak Kementerian.
8. PR-1351-L00688  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai menerusi Rancangan Tindakan Bersepadu bagi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Majlis Professor Negara (MPN) dan Dasar Angkasa Negara 2030 setakat ini.
9. PR-1351-L01130  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penyelidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian berkaitan nyamuk Aedes bagi mengurangkan jumlah bilangan kes demam denggi di Malaysia terutama selepas banjir baru ini.
10. PR-1351-L00864  
**Dr. Izani Bin Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah semakan kali terakhir kurikulum subjek agama Islam sekolah menengah dan adakah Kementerian berhasrat menambah baik silibus subjek tersebut.
11. PR-1351-L00476  
**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk meningkat serta memulihkan kawasan hutan yang terjejas akibat aktiviti penerokaan dan bencana alam seperti banjir, kebakaran dan tanah runtuh.

12. PR-1351-L00156  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit yang mengidap Hepatitis C di Malaysia serta bilangannya yang sedang menjalani rawatan sofosbuvir di hospital-hospital Kerajaan. Mengapakah Kerajaan tidak memakai kaedah "compulsory licensing" untuk memperolehi sofosbuvir " untuk semua pesakit Hepatitis C yang layak untuk rawatan ini.
13. PR-1351-L00336  
**Dr. Ismail Bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan skim insurans keluarga bagi masyarakat berpendapatan rendah atau penerima BR1M supaya caruman insurans keluarga ini rendah dari biasa dan mampu dibayar. Sekurang-kurangnya kumpulan ini mendapat perlindungan insurans jika berlaku sebarang insiden.
14. PR-1351-L00818  
**Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status harga kereta di negara ini yang dijanjikan untuk diturunkan sehingga 30% dalam tempoh 5 tahun dan kesediaan serta perancangan Kementerian untuk menghapuskan cukai-cukai berkaitan seperti duti eksais bagi memudahkan milikan kenderaan kepada rakyat.
15. PR-1351-L00196  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi yang diambil ke arah penstabilan harga minyak agar pelaksanaan harga siling petrol mampu dilaksanakan demi memastikan ketidakstabilan harga petrol tidak akan membebani pengguna.
16. PR-1351-L00622  
**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil tahunan dalam nilai Ringgit pelaksanaan prinsip-prinsip urus tadbir yang baik terutama dalam pentadbiran awam, perolehan dan urus niaga Kerajaan dengan sektor swasta, pengurangan pembaziran, ketirisan dan elemen negatif lain serta penambahbaikan sistem penyampaian awam antara 2000-2015.
17. PR-1351-L00166  
**Dato' Wira Othman Bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan menyukat dan membayar pampasan jalan dari Pekan Pendang ke Sungai Tiang yang telah digunakan sejak 50 tahun yang lalu.

18. PR-1351-L00598  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan yang diperuntukkan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJK(C)), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK (T)), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) pada tahun ini.
19. PR-1351-L00252  
**Dato' Sri Hasan Bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan di manakah menurut statistik Bank Negara Malaysia, iaitu nisbah (LDR) pinjaman kepada deposit adalah sebanyak 89.7% pada akhir bulan Disember, kerana pertumbuhan pinjaman tahunan yang stabil pada 5.3% mengatasi pertumbuhan deposit yang lebih perlahan sebanyak 2%. LDR lebih tinggi juga boleh ditafsirkan sebagai bank-bank tidak mempunyai banyak kapasiti lebihan untuk memberi pinjaman walaupun terdapat permintaan untuk pinjaman.
20. PR-1351-L00417  
**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa tiga maktab perguruan di Sarawak akan ditutup lantas meninggalkan hanya satu maktab perguruan sahaja bagi seluruh negeri tersebut.
21. PR-1351-L00521  
**Dato' Sri Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian menyemak semula keseluruhan undang-undang sedia ada supaya menjatuhkan hukuman berat kepada orang yang menggunakan kekerasan terhadap penguatkuasa awam yang sedang menjalankan tugas.
22. PR-1351-L00844  
**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) tindakan lanjut yang akan diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab atas kemalangan bas ekspres di Pagoh pada Disember 2016; dan
  - (b) status pelaksanaan 51 syor dalam Laporan Kemalangan Bas Jatuh Gaung Di KM 3.6 Jalan Genting Highlands-Karak pada 21 Ogos 2013 dan inisiatif untuk memastikan pemandu bas dijamin gaji yang berpatutan dan langkah-langkah keselamatan diperketatkan.
23. PR-1351-L00613  
**Dato' Sri Hasan Bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Malaysia akan mengimbangkan hubungannya dengan Amerika Syarikat dan China agar kepentingan strategik Malaysia dengan kedua-dua buah Negara tidak dikompromi.

24. PR-1351-L00261  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang program dan tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mencegah tekanan akibat dari perhubungan etnik yang kian merosot dan kewujudan perkara dan isu dari segi perkauman dan keagamaan sering kali dipermainkan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.
25. PR-1351-L00817  
**Puan Rubiah Binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan Program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) berjaya meningkatkan kebolehpasaran dan keupayaan graduan mendapat pekerjaan dan apakah statistik terkini penyertaan golongan graduan mengikut sektor.
26. PR-1351-L00885  
**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kerajaan menurunkan kadar pekerja asing dari tahap anggaran 25 peratus, termasuk pekerja asing tanpa izin kepada 15 peratus sebelum 2020 seperti dalam RMK-11, memandangkan bayaran levi pekerja asing yang sepatutnya dikenakan pada pihak majikan ditunda kepada tahun hadapan.
27. PR-1351-L01335  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan pekerja-pekerja asing yang baru dari negara India untuk bekerja di negara ini. Memandangkan ramai majikan seperti pemilik restoran dan kedai gunting rambut memerlukan pekerja dari India, apakah tindakan Kerajaan dalam hal ini.
28. PR-1351-L00029  
**Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [ Ranau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
- (a) tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan minyak masak dan berapakah jumlah subsidi minyak masak yang dibelanjakan oleh Kerajaan ketika ini; dan
  - (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi menstabilkan harga barangan di negara ini, terutama sekali untuk memastikan bahawa barangan yang tidak dikenakan GST tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.
29. PR-1351-L01028  
**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kedudukan terkini tentang isu keselamatan kanak-kanak yang membimbangkan di negara ini serta usaha bagi mengatasinya.

30. PR-1351-L01197  
**Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah implikasi yang timbul akibat daripada pemotongan peruntukan secara drastik khususnya daripada aspek penyelidikan dan kualiti serta kompetensi staf akademik.
31. PR-1351-L01018  
**Tan Sri William Mawan Ikom [ Saratok ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membolehkan bekalan tenaga dalam negara sentiasa mencukupi, selamat dan kos efektif memandangkan bahawa dasar tenaga negara menyatakan tiga objektif bekalan, penggunaan dan alam sekitar yang perlu dipenuhi.
32. PR-1351-L00190  
**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) jumlah warga asing yang mendapat rawatan perubatan di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara serta jumlah bayaran yang dikutip daripada mereka ini; dan
  - (b) berapakah jumlah pesakit dari luar negara (Medical Tourism) yang datang untuk mendapatkan rawatan di negara ini serta jumlah wang yang mereka belanjakan.
33. PR-1351-L00813  
**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kawalan/permeriksaan imigresen akan dilaksanakan kepada sesiapa yang memasuki Sabah melalui Menumbok dan/atau Kota Kinabalu daripada WP Labuan dan adakah arahan Menteri Dalam Negeri pada 26 Julai 1984 akan ditarik balik supaya kedaulatan Imigresen Sabah akan dihormati dan dilaksanakan.
34. PR-1351-L00880  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah nama syarikat rakan kongsi kepada Syarikat Proton Holdings Bhd (Proton) dan apakah manfaat kepada rakyat hasil daripada perkongsian bersama ini.
35. PR-1351-L00839  
**Dato' Sri Douglas Uggah Embas [ Betong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kedudukan pelaksanaan inisiatif jalur Lebar dan Perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) di Peringkat Negara di Sarawak sekarang sejak pelaksanaannya pada tahun 2010 di Malaysia.

36. PR-1351-L01278  
**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jumlah kes kematian dalam tahanan di antara tahun 2000 dan 2016. Apakah punca kematian Chandran Muniandy semasa beliau di tahan di Penjara Jawi, Pulau Pinang baru-baru ini. Apakah langkah-langkah atau formula yang di ambil untuk mengelakkan kematian ataupun untuk memastikan keselamatan orang yang di tahan.
37. PR-1351-L00918  
**Datuk Rozman Bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak kastam bersedia untuk memudahcara dan membenarkan perniagaan transshipment untuk rokok dan minuman beralkohol yang menggunakan kapal kayu (kompit) ke Selatan dan Barat Filipina di mana permintaannya agak memberangsangkan.
38. PR-1351-L00689  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan yang diambil terhadap pihak yang terlibat dalam aktiviti pembalakan haram kawasan tadahan Ulu Muda, Kedah yang mengancam kawasan tadahan air sehingga Empangan Brisu dan Muda turun, serta nyatakan usaha pemuliharaan semula dijalankan, kos terlibat dan tempoh masa pulih.
39. PR-1351-L01053  
**Datuk Jumat Bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memperkasakan Parlimen Belia dan apakah sudah pencapaian program tersebut sehingga ke hari ini.
40. PR-1351-L00587  
**Dato' Hasbullah Bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang menstruktur semula agensi-agensi yang bertugas di kawasan sempadan negara diletakkan di bawah satu bumbung dalam usaha menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan serta menjamin keselamatan sempadan negara lebih terjamin.
41. PR-1351-L01310  
**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kuasa-kuasa Pihak Polis Diraja Malaysia dalam membanteras gejala mat rempit dan perlumbaan haram yang semakin berleluasa sehingga nyawa pihak anggota polis pun terancam dan adakah ia berkesan dalam membendung, menangkap dan mendakwa orang yang terlibat ke mahkamah.
42. PR-1351-L00978  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peruntukan dan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk mempertingkatkan pengangkutan awam darat di bandaraya Kuching. Apakah kesan rancangan tersebut dari segi bilangan penumpang yang menggunakan pengangkutan awam darat kebelakangan 5 tahun ini.



43. PR-1351-L00350  
**Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status terkini pembinaan semula Tangki Air (HLT) di Kampung Penipah, Pulau Bruit, Daerah Daro, yang runtuh semasa dalam pembinaan pada tahun 2015.
44. PR-1351-L01208  
**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya telah memperbaiki keadaan di PRU 2013 di mana daftar undi yang rasmi dan diberi kepada awam mengandungi 2,340,943 nama tanpa apa-apa butiran alamat dan 1,550,363 nama dengan nombor rumah tanpa nama jalan daripada jumlah keseluruhan 13,271,000 nama yang didaftarkan.
45. PR-1351-L00905  
**Dato' Hajah Normala Bt Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik (mengikut tahun) bagi jumlah aduan yang telah dibuat oleh orang awam kepada Majlis Perubatan Malaysia mengenai salah laku dalam kalangan pengamal perubatan dan apakah usaha Kerajaan untuk memantau pengamal perubatan yang bermasalah.
46. PR-1351-L00578  
**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini pembinaan Pelabuhan Melaka Gateway di Pulau Panjang serta apakah terdapat feasibility studies dijalankan oleh pihak kementerian terhadap potensi Pelabuhan Melaka Gateway ketika Pelabuhan Klang belum mencapai kadar optimum.
47. PR-1351-L01331  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan projek parkir bertingkat di kawasan PPR dan kawasan komersil sekitar Wilayah Persekutuan yang telah, sedang dan dalam perancangan bagi mengatasi ketidakcukupan parkir di Kuala Lumpur.
48. PR-1351-L00433  
**Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga kini apakah tindakan tegas yang diambil terhadap individu yang berniat jahat dengan menyebarkan fitnah, menghasut para pelabur dan memburuk-burukan Kerajaan sedia ada bagi tujuan menjejaskan ekonomi dan pelaburan Negara.
49. PR-1351-L01061  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-  
(a) alasan penutupan 14 pejabat di dalam negara dan lima pejabat Tourism Malaysia di luar negara dan sehingga boleh mengurangkan kemasukan pelancong ke Malaysia.; dan  
(b) adakah kakitangan hasil daripada penutupan di atas telah diserapkan ke jabatan lain.

50. PR-1351-L01177  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan GST pada tahun 2015, 2016 dan jumlah anggaran kutipan bersih GST bagi tahun 2017 serta jumlah peratus kutipan GST yang digunakan untuk peruntukan BR1M.
51. PR-1351-L00392  
**Datuk Linda Tsen Thau Lin @ Linda [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha yang meningkatkan keupayaan Hospital Duchess of Kent merawat penyakit-penyakit jantung dan kardiovaskular lain.
52. PR-1351-L01016  
**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah wujudnya cadangan pembangunan semula di kawasan jalan Madrasah.
53. PR-1351-L01080  
**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dalam usaha membangunkan kemudahan jalan raya berturap dari Simpang Pos Betau ke Pos Lenjang dan Pos Lenjang ke Pos Titum, berapakah jumlah perbelanjaan, bilangan pakej kontrak yang dilaksanakan serta senarai nama syarikat kontraktor yang terlibat untuk tempoh RMK-10 yang lepas dan juga untuk RMK-11 sama ada yang telah lulus ataupun masih dalam peringkat pertimbangan.
54. PR-1351-L01283  
**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status cadangan pengambilan ekuiti 30% Sentul Raya Sdn. Bhd. daripada keretapi Tanah Melayu Bhd. oleh YTL Land. Apakah harga pembelian yang dipersetujui.
55. PR-1351-L00854  
**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah undang-undang cukai baru badan keagamaan tidak dijelaskan secara terperinci semasa pembentangan pada sesi Oktober 2016 yang lalu. Adakah Kerajaan akan menarik balik pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967 yang jelas tidak adil kepada badan keagamaan bukan Islam.
56. PR-1351-L00928  
**Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan harga petrol ditentukan oleh pengusaha-pengusaha pam setelah subsidi bahan bakar ini ditarik balik.
57. PR-1351-L01150  
**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemajuan projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu. Mohon dinyatakan punca dan jumlah hari penangguhan.

58. PR-1351-L00687  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan asal-usul RM4.3 bilion daripada RM6 bilion yang diperolehi daripada penyenaian saham Felda Global Ventures (FGV) dalam Bursa Malaysia di mana RM1.7 bilion diagihkan kepada peneroka FELDA. Bolehkah perbelanjaan RM4.3 bilion diperincikan satu persatu demi akauntabiliti dan mengapakah ia dibelanjakan di luar negara dan bukan dalam negeri.
59. PR-1351-L00728  
**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab mengapa Kerajaan tidak bersedia mengadakan siasatan terbuka terhadap skandal 1MDB dan BMF tetapi hanya menyiasat kerugian forex Bank Negara yang berlangsung lebih dua puluh tahun yang lepas.
60. PR-1351-L00744  
**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dibuat untuk memperkasakan kemudahan pengangkutan awam darat di negeri Kelantan.
61. PR-1351-L00784  
**Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [ Sibuti ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan projek perumahan PR1MA di Bandaraya Miri dan setakat ini berapakah baki perumahan PR1MA yang masih belum dibina di Sarawak.
62. PR-1351-L00436  
**Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian mempromosikan produk pelancongan perubatan Malaysia di luar negara dan nyatakan bentuk promosi yang telah diadakan memandangkan pelancongan perubatan mempunyai prospek yang besar untuk dijadikan produk utama pelancongan negara.
63. PR-1351-L01386  
**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah logik dan manfaat cuti antara pelajar peringkat sekolah, pelajar peringkat diploma dan pelajar peringkat Ijazah tidak diadakan serentak tetapi berasingan.
64. PR-1351-L(5)01397  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang 800,000 mesin judi yang dirampas oleh PDRM dari tahun 2011 hingga tahun 2016. Adakah mesin-mesin judi itu telah dilupuskan. Berapakah hasil yang diperolehi oleh Kementerian daripada pelupusan mesin-mesin judi itu.

[ Pertanyaan di Bawah PM.22(5) ]

65. PR-1351-L(5)01405  
**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada persatuan sukan dan persatuan belia dan nyatakan persatuan-persatuan yang telah menerima peruntukan daripada Kementerian sejak 2015 hingga 2016.

**[ Pertanyaan di Bawah PM.22(5) ]**

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Pelancongan dan Kebudayaan**

- \* Rang Undang-Undang Cukai Pelancongan 2017.

2. **Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017.

3. **Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017.

4. **Menteri Sumber Manusia**

- \* Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

5. **Menteri Dalam Negeri**

Rang Undang-Undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 6/2017) Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (3 April, 2017)**

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

2. (D.R. 3/2017) Rang Undang-Undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri ]**

3. **Menteri Dalam Negeri akan mencadangkan :-**

“Bahawa Majlis ini membuat suatu ketetapan menurut sub-seksyen 4(11), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 supaya sub- seksyen 4(5), Akta ini hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai dari 31 Julai 2017”.

4. **Menteri Kewangan akan mencadangkan:-**

“Bahawa mengikut Seksyen 5, Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 (Akta 431), Dewan ini mengambil ketetapan bahawa sumbangan Malaysia sebanyak USD27,000,000.00 kepada Program Penambahan Dana Ke 18 Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA) diluluskan”.

5. **Menteri Kewangan akan mencadangkan:-**

“Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM20,500 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut”.

6. **Menteri Kewangan akan mencadangkan:-**

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 17(5), subseksyen 18(3) dan subseksyen 56(2), subseksyen 160(2), subseksyen 163(2), Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan 2014 supaya Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai Kertas statut, bilangan ST.17/2017, ST.18/2017, ST.19/2017, ST.20/2017 dan ST.21/2017 disahkan.”

7. **Menteri Kewangan akan mencadangkan:-**

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.25/2017, ST.26/2017, ST.27/2017, dan ST.28/2017 disahkan.”

- |     |                |                                                                        |                               |
|-----|----------------|------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 8.  | (D.R. 2/2017)  | Rang Undang-Undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017   | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|     |                | <b>[ Menteri Pendidikan Tinggi ]</b>                                   |                               |
| 9.  | (D.R. 7/2017)  | Rang Undang-Undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017              | “                             |
|     |                | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>                                      |                               |
| 10. | (D.R. 8/2017)  | Rang Undang-Undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2017     | “                             |
|     |                | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>                                            |                               |
| 11. | (D.R. 11/2017) | Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017                      | “                             |
|     |                | <b>[ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri ]</b>                          |                               |
| 12. | (D.R. 9/2017)  | Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017                | “                             |
|     |                | <b>[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]</b> |                               |
| 13. | (D.R. 10/2017) | Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017               | “                             |
|     |                | <b>[ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]</b>         |                               |

14. (D.R. 20/2016) Rang Undang-undang Membaharui **Bacaan Kali**  
Undang-undang (Perkahwinan dan **Yang Kedua**  
Perceraian) (Pindaan) 2016

[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]

15. (D.R. 25/2016) Rang Undang-undang Setem (Pindaan) “

[ Menteri Kewangan ]

16. **Dato’ Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ] akan mencadangkan:-**

“Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Marang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 seperti berikut:-

### **Pindaan Seksyen 2**

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [ Akta 355 ] dipinda dalam proviso kepada seksyen 2 dengan menggantikan perkataan “**penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali** “ dengan perkataan “**penjara selama tempoh melebihi tiga puluh tahun atau denda melebihi satu ratus ribu ringgit atau sebatan satu ratus kali sebagaimana ditadbir selaras dengan tatacara jenayah Syariah**”.

[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]

17. R-1351-U(27)002  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] akan mencadangkan :-**

Bahawa Dewan ini membahaskan masalah akibat penarikan Amerika Syarikat daripada TPPA.

[ Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri ]

18. PR-1351-U(27)003  
**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] akan mencadangkan :-**

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, pertumbuhan penduduk di daerah Putatan adalah begitu mendadak sekali dan ditokok tambah dengan pembangunan infrastruktur yang rancak seiring dengan statusnya sebagai satu daripada daerah yang rancak membangun di negeri Sabah khususnya.



Dan mengambil maklum juga bahawa, dewasa ini, isu masalah sosial, keselamatan sosial serta ketenteraman sosial menjadi topik bualan harian di kalangan warga Putatan. Setiap hari ketiga-tiga topik ini akan kedengaran malah menjadi kegusaran bagi warga Putatan kerana kehadiran anggota keselamatan yang amat kurang disebabkan cadangan pewujudan dan pembinaan ibu pejabat polis daerah Putatan telah lama tertangguh.

Dan mengambil maklum juga bahawa ketika ini, isu masalah sosial, keselamatan sosial serta ketenteraman sosial di Putatan adalah di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Penampang serta sebahagiannya di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Kinabalu.

Mengambil maklum juga bahawa untuk menangani masalah sosial, keselamatan sosial serta ketenteraman sosial di daerah Putatan, hanya sebuah balai polis yang dianggotai kurang daripada 22 anggota dengan kelengkapan yang serba kekurangan, terpaksa berhempas pulas untuk menjaga daerah Putatan dengan keluasan 30km persegi dan berkepadatan penduduk melebihi 100 ribu orang.

Dan mengambil maklum juga bahawa, apabila berlakunya sesuatu jenayah atau kecemasan, ada kalanya ketibaan anggota keselamatan itu agak lewat kerana jarak tempat kejadian dengan IPD Penampang atau IPD Kota Kinabalu agak jauh dan mengambil masa untuk tiba.

Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan haruslah dengan segera meluluskan penubuhan dan pembinaan IPD Putatan lengkap dengan perjawatannya”.

#### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

19. PR-1351-U(27)004

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memberikan semua rakyatnya kebebasan beragama.

Dan mengambil maklum juga bahawa Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan Malaysia menjamin kesamarataan hak untuk warganya bagi menjalani kehidupan harian mereka.

Dan mengambil maklum juga bahawa, Malaysia sebagai negara peneraju gerakan kesederhanaan global di bawah pimpinan YAB. Perdana Menteri, telah berjaya memahat nama di persada antarabangsa di mana Malaysia menjadi model penerimaan kepelbagaian agama dan kaum sebagai sumber kekuatannya.

Dan mengambil maklum juga bahawa, konsep penerimaan kepelbagaian agama dan bangsa melalui Gagasan 1Malaysia adalah model yang terbaik dalam mewujudkan keharmonian, kemakmuran dan perpaduan di negara ini.

Dan mengambil maklum juga bahawa Kerajaan pimpinan YAB. Perdana Menteri berjanji melalui manifesto Barisan Nasional pada PRU ke-13, untuk menyediakan lebih banyak bantuan kewangan kepada institusi-institusi agama berdaftar dan rumah-rumah ibadat.

Dan mengambil maklum dan contoh, bahawa Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak juga telah menyediakan dana khas dalam bajet tahunan mereka bagi maksud bantuan kewangan kepada institusi-institusi agama berdaftar dan rumah-rumah ibadat di negeri Sabah dan Sarawak.

Maka, bagi memenuhi aspirasi di atas dan rakyat bukan Islam khususnya, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan Malaysia hendaklah menyediakan satu jumlah khas (dana) dalam bajet tahunan negara, bagi aktiviti institusi-institusi agama berdaftar dan rumah-rumah ibadat (bukan Islam)."

**[ Perdana Menteri ]**

20. PR-1351-U(27)005

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, Orang Asli yang terdiri daripada suku Semang (Negrito), Senoi dan Proto Malay adalah Orang Asli yang tinggal di Semenanjung Malaysia dan juga merupakan penghuni tertua di Semenanjung Malaysia.

Dan mengambil maklum juga bahawa, walaupun Orang Asli adalah merupakan penduduk asli Semenanjung Malaysia dan disebut sebagai "Bumiputera", namun mereka tidak menikmati keistimewaan yang diberikan kepada kaum Melayu dan Bumiputera negeri Sabah dan Sarawak di mana mereka tidak diiktiraf sebagai Bumiputera di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Dan mengambil maklum juga bahawa, walaupun Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah ditubuhkan pada tahun 1954 dan pindaan ke atas beberapa akta, seperti Akta Orang Asli 1954 telah dibuat bagi membolehkan dan meningkatkan sosio budaya dan ekonomi Orang Asli, namun kedudukan mereka tidak banyak berubah disebabkan status kedudukan mereka dalam Perlembagaan negara adalah kurang jelas.

Dan mengambil maklum juga bahawa, sesuai dengan konsep 1Malaysia yang diterajui oleh YAB. Perdana Menteri, kedudukan Orang Asli di negara ini hendaklah diterima semua dan diberikan hak dan layanan sama rata.

Dan mengambil maklum juga bahawa Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan Malaysia menjamin kesamarataan hak untuk warganya bagi menjalani kehidupan harian mereka, termasuklah kaum Orang Asli.

Maka, bagi menangani kepincangan ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta perkara-perkara yang berkaitan, hendaklah dipinda bagi membolehkan Orang Asli dikategorikan sebagai Bumiputera dan diberikan hak Bumiputera, seiringan dengan orang-orang Melayu dan kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak."

**[ Perdana Menteri ]**

21. PR-1351-U(27)006

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, masalah setinggan di bandar adalah masalah yang saban hari makin meningkat kerana migrasi dari luar bandar ke bandar, terutama sekali untuk tujuan mencari pekerjaan.

Dewan ini hendaklah juga mengambil maklum bahawa migran ekonomi yang berpindah daripada luar bandar ke bandar ini adalah dari golongan yang kurang berkemampuan/berpendapatan rendah dan mereka tidak mampu untuk membeli atau memiliki rumah-rumah yang dibina oleh pihak pemaju atau PR1MA yang ada pada ketika ini, di mana kebanyakan mereka ini hanya mampu untuk membayar kadar sewaan di bawah RM350 sebulan.

Dan mengambil maklum juga bahawa, matlamat Kerajaan mensasarkan sifar setinggan terutama sekali di kawasan bandar adalah agak sukar untuk dicapai selagi masalah perumahan bagi migran yang dimaksudkan di atas tidak ditangani secara tuntas.

Dan mengambil maklum juga bahawa, Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dahulunya untuk sewaan tanpa had masa dilihat sebagai satu langkah alternatif bagi mengatasi masalah setinggan di bandar dan sekali gus memberikan kumpulan sasar untuk menduduki rumah yang agak selesa. Tetapi malangnya, status PPR tersebut telah dipinda kepada status rumah transit untuk pendudukan untuk tempoh tidak melebihi lima (5) tahun.

Dan mengambil maklum juga bahawa Program Perumahan Rakyat atau PPR yang ada sekarang ini merupakan sumber alternatif bagi mengatasi masalah setinggan di bandar di mana rumah-rumah PPR ini diubah syarat daripada sewaan kepada sewa beli bagi membolehkan mereka yang dimaksudkan di atas untuk akhirnya memiliki rumah mereka sendiri.

Maka, bagi menangani masalah setinggan bandar dan kekurangan perumahan untuk golongan kurang mampu, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan hendaklah meminda syarat pendudukan rumah PPR di seluruh negara daripada bulanan kepada syarat sewa-beli."

**[ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

22. PR-1351-U(27)007

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Chinese Independent School di Malaysia menjalankan taksiran peperiksaan persekolahan mereka melalui sijil yang dikenali sebagai Unified Examination Certificate (UEC) yang mana dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Unified Examination Certificate - Junior Middle (UEC-JML), Unified Examination Certificate Vocational (UEC-V) dan Unified Examination Certificate Senior Middle (UEC-SML).

Dan mengambil maklum juga bahawa, persijilan UEC telah pun diguna pakai dalam persekolahan oleh United Chinese School Committees Association of Malaysia sejak ianya diperkenalkan pada tahun 1975.

Dan mengambil maklum juga bahawa sijil UEC yang diperkenalkan oleh UCSCAM ini telah diiktiraf oleh universiti di serata negara seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Taiwan, Hong Kong, China, Australia, Kanada, Singapura dan lain-lain negara.

Dan mengambil maklum juga bahawa malangnya, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atau secara khususnya, Lembaga Akreditasi Negara tidak mengiktiraf sijil UEC ini terutama sekali bagi kemasukan ke universiti awam Malaysia, walau pun National University of Singapore yang berkedudukan tempat keempat universiti terbaik di dunia mengiktiraf sijil UEC ini.

Dan mengambil maklum juga bahawa dengan ketiadaan pengiktirafan yang dimaksudkan di atas, negara Malaysia secara tidak langsung mengalami kerugian yang besar di mana pemegang sijil UEC ini terpaksa meneruskan pendidikan tinggi mereka di luar negara di mana aliran wang keluar daripada negara ini dan juga kecenderungan lepasan sijil UEC ini untuk terus bekerja di luar negara adalah tinggi, di mana dalam hal ini negara Malaysia akan kerugian "aliran keluar" tenaga mahir ke luar negara.

Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan haruslah dengan segera mengiktiraf Sijil Unified Examination Certificate bagi manfaat negara.”

**[ Menteri Pendidikan ]**

23. PR-1351-U(27)008

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kesan pemanasan global dan perubahan cuaca kini menjadi topik perbualan harian di seluruh pelosok dunia di mana ianya bukan lagi satu fenomena tetapi telah menjadi realiti yang mana setiap warga dunia mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama melaksanakan langkah-langkah mitigasi bagi mengurangkan impaknya ke atas kehidupan manusia.

Dan mengambil maklum juga bahawa salah satu penyebab utama kedua-dua masalah di atas adalah akibat daripada kesan penebangan pokok-pokok disebabkan aktiviti ekonomi seperti pembukaan ladang dan sebagainya.

Dan mengambil maklum juga bahawa pihak berkuasa tempatan berperanan untuk mengambil bahagian dalam usaha untuk langkah mitigasi bagi mengatasi kedua-dua masalah di atas walaupun dalam bentuk kecil, dengan menanam lebih banyak pokok-pokok di seluruh kawasan seliaan mereka.

Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan Malaysia hendaklah meminta pihak berkuasa tempatan untuk segera menanam lebih banyak pokok-pokok di kawasan di bawah seliaan mereka di samping memperbanyakkan kempen menanam pokok untuk menyemai budaya menanam pokok di kalangan rakyat setempat.”

#### **[ Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar ]**

24. PR-1351-U(27)009

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, bagi kawasan Dewan Undangan Negeri N.18 Petagas (Parlimen P.173 Putatan), hanya terdapat sebuah sekolah menengah sahaja iaitu Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) Tansau, Putatan untuk menampung murid-murid keluaran lima (5) buah sekolah rendah yang terletak di kawasan yang sama.

Dan mengambil maklum juga bahawa, kerana kekurangan tempat di sekolah menengah, ramai murid daripada kawasan Dewan Undangan Negeri N.18 Petagas terpaksa meneruskan persekolahan menengah mereka di sekolah menengah di kawasan Dewan Undangan Negeri N.16 Luyang, N.17 Tanjong' Aru, N.19 Kapayan dan N.20 Moyog, di mana sekali gus meningkatkan kos persekolahan mereka daripada segi kos pengangkutan dan menyebabkan ketidakselesaan hidup rakyat.

Dan mengambil maklum juga bahawa cadangan pembinaan Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) Petagas telah pun dirancang sejak Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK9) lagi dan disenaraikan semula dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11), namun sehingga kini belum terdapat sebarang keputusan tetap bagi permasalahan ini walau pun tapak bagi Sekolah Menengah Petagas serta infrastruktur asas seperti jalan raya telah pun tersedia.

Maka, bagi menangani masalah ini dan mendahulukan rakyat, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) Petagas hendaklah dibina dan disiapkan dalam tempoh terdekat seperti yang telah dirancang terdahulu.”

#### **[ Menteri Pendidikan ]**

25. PR-1351-U(27)010

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum akan cadangan untuk pembangunan semula kawasan Rumah Pangsa Sri Labuan dan pembangunan semula Zon 1 yang melibatkan Rumah Pangsa Sri Melaka, Sri Johor, Ikan Emas dan Sri Pulau Pinang di dalam kawasan Parlimen Bandar Tun Razak.

Dewan ini juga mengambil maklum kegelisahan majoriti penghuni di perumahan-perumahan yang terlibat akan masa depan mereka akibat daripada cadangan ini.

Maka Dewan ini mengambil kira suasana ini dan memutuskan bahawa segala cadangan pembangunan semula oleh Kementerian Wilayah Persekutuan di kawasan tersebut hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i . Mengadakan perbincangan dengan semua penghuni, iaitu pemilik dan penyewa selain daripada wakil-wakil blok dan persatuan-persatuan mereka;
- ii. Pihak DBKL mestilah dilibatkan dalam semua perbincangan dan keputusan, selain daripada pihak Kementerian;
- iii. Pemilihan pemaju mestilah ditentukan secara tender terbuka supaya penghuni dan pembeli mendapat tawaran terbaik; dan
- iv. Semua aspek pembangunan mestilah memberikan keselesaan kepada penghuni dengan mengambil kira ciri-ciri berikut:
  - a. Kepadatan setiap blok,
  - b. Keluasan unit
  - c. Kualiti pembinaan lif dan bahan binaan,
  - d . Kemampuan membayar yuran penyelenggaraan oleh pemilik selepas.

**[ Menteri Wilayah Persekutuan ]**

26. PR-1351-U(27)011

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum dengan penuh kebimbangan akan pergolakan politik antarabangsa mutakhir ini yang mempamerkan satu suasana ketidakstabilan hubungan antarabangsa yang amat kritikal. Dewan juga memerhatikan dengan penuh kerisauan lagak politik Amerika Syarikat di bawah Presiden Trump, politik Eropah ekoran keputusan Brexit oleh Britain, politik Russia oleh Presiden Putin yang antara lain telah mengakibatkan Ukraine diceroboh dan penembakan pesawat MH17, dan lebih dekat lagi, politik Republik Rakyat China yang menuntut sebahagian Lautan China Selatan sebagai wilayahnya.

Maka, sebagai satu langkah peringkat negara dan serantau untuk menghadapi krisis ini, Dewan ini memutuskan untuk mempertegaskan dan menggerakkan semula dengan sungguh-sungguh dasar Asia Tenggara sebagai satu rantau yang aman, bebas dan berkecuali atau ZOPFAN yang telah dipersetujui dan dimeterai pada 27 November 1971 oleh Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura.”

**[ Menteri Luar Negeri ]**

27. PR-1351-U(27)012

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya Laporan Ketua Audit Negara berkenaan dengan isu 1MDB (1Malaysia Development Bhd) di bentang dan dikemukakan untuk perbahasan di Dewan Rakyat dengan kadar segera.”

**[ Perdana Menteri ]**

28. PR-1351-U(27)013

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya YAB. Perdana Menteri dan seluruh anggota Menteri Kabinet mengisytiharkan harta dan aset mereka kepada Dewan Rakyat tiap-tiap tahun pada bulan Disember”.

**[ Perdana Menteri ]**

29. PR-1351-U(27)014

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya mengesyorkan kepada KBDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja supaya menyiasat dan mengemukakan laporan siasatan terhadap skandal kewangan 1MDB dengan kadar segera.”

**[ Perdana Menteri ]**

30. PR-1351-U(27)015

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan selaras dengan titah Majlis Raja-Raja Melayu di mana Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 di bentang dan dikaji semula di Dewan Rakyat dengan kadar segera.”

**[ Perdana Menteri ]**

31. PR-1351-U(27)016

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya Sijil Peperiksaan Unified Examination Certificate (UEC) yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa diberi pengiktirafan penuh oleh Kerajaan Malaysia.”

**[ Menteri Pendidikan ]**

32. PR-1351-U(27)017

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan secara sebulat suara selaras dengan semangat Perlembagaan Persekutuan tahun 1957 dan prinsip "one man, one vote", mana-mana persempadanan semula kawasan pilihan raya jumlah bilangan pengundinya tidak boleh melebihi perbezaan 15% di antara semua kawasan pilihan raya di negara ini.”

**[ Perdana Menteri ]**

33. PR-1351-U(27)018

**Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum penubuhan entiti persendirian yang dikenali sebagai MyEG menuduakan kerja Kementerian Dalam Negeri. MyEG sebagai satu agensi di antara Kementerian Dalam negeri dan orang awam adalah tidak diperlukan, membazirkan sumber-sumber dan mengenakan fi yang tidak berpatutan kepada orang awam. Penubuhan entiti ini mempersoal integriti Kerajaan dan menggalakkan amalan korupsi.”

**[ Menteri Dalam Negeri ]**



34. PR-1351-U(27)019

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mengumumkan laporan penuh Jawatankuasa Siasatan Bebas mengenai kejadian kebakaran Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada 25 Oktober 2016 untuk makluman dan pengetahuan rakyat tentang punca-punca berlakunya kebakaran tersebut. Kerajaan juga didesak untuk menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah dan mengelakkan tragedi kebakaran berulang lagi di mana-mana hospital atau pusat perubatan.”

**[ Menteri Kesihatan ]**

35. PR-1351-U(27)020

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibawa ke Parlimen di bahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara”.

**[ Perdana Menteri ]**

36. PR-1351-U(27)021

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini bersetuju mengurangkan peruntukan untuk JPM dan menyalurkan kepada peruntukan bagi hal ehwal pendidikan, pengangkutan awam, kesihatan dan kebajikan rakyat. Peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri telah dihadkan tahapnya pada tahun 2008 iaitu masing-masing sebanyak RM3.4 bilion bagi peruntukan pengurusan dan RM3.5 bilion untuk pembangunan. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak RM6.9 bilion. Berbanding 2017, anggaran peruntukan pengurusan dan pembangunan telah melepasi tahap ditetapkan pada 2008 tersebut iaitu masing-masing sebanyak RM4.92 bilion dan RM11.019 bilion yang membawa kepada jumlah keseluruhan RM15.94 bilion”.

**[ Menteri Kewangan ]**

37. PR-1351-U(27)022

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan :-

“Dewan ini mengambil maklum bahawa Bajet 2016 sebanyak RM50 juta yang diperuntukkan kepada SJK (C) tidak disalurkan pada tahun yang ditetapkan. Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa semua peruntukan bajet yang diluluskan di Parlimen haruslah disalurkan kepada pihak yang sewajarnya pada tahun yang berkenaan juga”.

**[ Menteri Kewangan ]**

38. PR-1351-U(27)023

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan :-

“Dewan ini mengambil maklum bahawa banyak pengusaha teksi persendirian mahu pun berdaftar di bawah syarikat swasta menghadapi kesukaran dan ada yang terpaksa menutup operasi mereka.

Dewan ini juga mengambil maklum bahawa salah satu punca permasalahan ini adalah dengan kewujudan Uber dan GrabCar yang jauh lebih efisien daripada operasian mereka melalui penggunaan teknologi aplikasi dengan menggunakan telefon pintar. Maka dengan menyedari hakikat ini, Dewan yang mulia ini hendaklah membahaskan langkah-langkah strategik bagi menyelamatkan pengusaha teksi yang ada dalam menghadapi persaingan daripada Uber dan GrabCar ini”.

**[ Perdana Menteri ]**

39. PR-1351-U(27)024

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini menolak pembinaan jana kuasa tenaga nuklear di Malaysia yang akan memudaratkan alam sekitar sekiranya berlaku kecuaiian dan bencana. Dewan ini juga haruslah membuat ketetapan bahawa sekiranya ia ingin tetap diteruskan harus mendapat referendum sokongan daripada rakyat”.

**[ Perdana Menteri ]**

40. PR-1351-U(27)025

**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, lebih dari 200 ribu pelajar-pelajar setiap tahun akan menduduki peperiksaan SPM. Ada yang berjaya melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi dan ada yang gagal. Di sinilah jurang pemikiran akan berlaku. Yang berjaya mara terus dalam pelajaran akan mendapat pendedahan yang baik dan akan menjadi warga

dan anak bangsa yang berguna kepada masyarakat. Tetapi yang gagal akan teraba-raba dan menanggung risiko terbabas dari landasan yang diharapkan.

Adalah dicadangkan semua pelajar lelaki lepasan SPM dimasukkan ke dalam Program Khas Khidmat Negara / National Service selama dua tahun. Enam bulan pertama dilatih dari segi fizikal dan mental serta ilmu kewarganegaraan. Selebihnya setahun setengah lagi mereka ditempatkan dalam Angkatan Tentera Malaysia atau PDRM. Sebaik sahaja mereka tamat menjalani penempatan di ATM atau PDRM mereka hendaklah digalakkan meneruskan pelajaran sama ada jurusan akademik atau vokasional mengikut kelayakan mereka. Dengan cara ini masalah remaja dapat dikurangkan walaupun tidak diselesaikan. Banyak negara-negara lain telah melaksanakan program ini dengan jayanya”.

### [ Menteri Pertahanan ]

41. PR-1351-U(27)026  
**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, semangat kekitaan dan berpasukan hendaklah ditanam dalam jiwa setiap pelajar sekolah. Setiap pelajar di sekolah rendah atau menengah hendaklah diwajibkan menyertai satu pasukan beruniform dan mereka hendaklah mendapat didikan dari guru-guru yang terlatih dalam bidang-bidang tertentu yang berhubung dengan pasukan tersebut. Sehari dalam seminggu sekolah hendaklah memperuntukkan agar guru-guru dan pelajar-pelajar memakai uniform pasukan masing-masing ke sekolah. Dengan itu pelajar-pelajar akan merasa bangga dengan pasukan mereka dan ini akan membina semangat kekitaan di kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru”.

### [ Menteri Pendidikan ]

42. PR-1351-U(27)027  
**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai ibu bapa mengeluh kos menghantar anak-anak ke sekolah makin meningkat mahal. Ini termasuk kos belanja makan harian anak-anak di sekolah. Oleh kerana kos juga pengusaha kantin akan menyediakan makanan yang kurang kualiti dan tidak berzat, malah ada yang membahayakan termasuk menggunakan perisa tiruan dan pemanis yang dilarang oleh Kementerian.

Satu kempen "membawa makanan dari rumah" yang melibatkan banyak Kementerian dan Jabatan hendaklah dimulakan. Jika makanan dibawa dari rumah sudah pasti ianya bersih, berzat dan jauh dari keracunan. Pelajar juga mesti digalakkan membawa air masak putih dari rumah dan dengan ini akan mengelakkan mereka dari meminum air bergas dan air manis yang merosakkan kesihatan pelajar-pelajar. Tindakan membawa makanan dari

rumah bukan sahaja memastikan kesihatan terjamin juga mengurangkan kos menghantar anak-anak ke sekolah”.

**[ Menteri Pendidikan ]**

43. PR-1351-U(27)028

**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai kakitangan awam yang ada ilmu berniaga dan ada yang terlibat dengan perniagaan secara sambilan. Ramai yang mahu menceburkan diri dalam perniagaan secara langsung tetapi sayang akan hilang pencen jika berhenti dari perkhidmatan awam. Akhirnya mereka berada dalam dua alam dan tidak fokus kepada tugas sebenar. Adalah dicadangkan Kerajaan mengkaji semula dasar membenarkan kakitangan awam berhenti dari perkhidmatan dan mendapat pencen.

Adalah dicadangkan jika seseorang kakitangan awam telah berkhidmat selama 21 tahun mereka boleh berhenti dan mendapat pencen. Ini samalah dengan anggota Angkatan Tentera Malaysia. Jika ini boleh dilakukan kita akan melihat mereka yang terlibat dalam perniagaan datang dari mereka yang ada pengalaman dan ada networking. Di samping itu tempat yang dikosongkan oleh mereka akan diisi oleh ramai lulusan pengajian tinggi yang tidak mempunyai kerja yang tetap atau sesuai”.

**[ Perdana Menteri ]**

44. PR-1351-U(27)029

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa dewan mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun Negara telah menjadi Negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi Negara secara bersama dan merealisasikan Impian Malaysia”.

**[ Perdana Menteri ]**

45. PR-1351-U(27)030

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa dewan mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan seluruh Negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat”.

**[ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

46. PR-1351-U(27)031

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk menghalang dan mengharamkan penjualan arak murahan (cheap liquor) secara mudah dan murah yang semakin berleluasa. Gejala pengambilan arak murahan ini menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti keganasan rumah tangga dan gengsterisme serta merosakkan organ dalaman. Di samping itu, kawalan dan penyeliaan terhadap kedai-kedai menjual arak perlu diketatkan. Masa penjualan arak dan lokasi minum arak perlu dikaji. Kawasan tempat awam seperti di taman awam dan taman permainan kanak-kanak, minum arak wajib diharamkan.

Dewan ini juga wajib mempertimbangkan penubuhan Pusat Pemulihan Arak (PPA) di setiap negeri di Malaysia untuk membendung masalah minum arak yang semakin berleluasa di kalangan anak muda merentasi sempadan bangsa dan agama”.

**[ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

47. PR-1351-U(27)032

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk kes kematian di bawah tahanan Polis DiRaja Malaysia, keluarga si mati diberi kebenaran sepenuhnya untuk memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi mewakili pihak keluarga si mati semasa bedah siasat dijalankan”.

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

48. PR-1351-U(27)033

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam bagi menangani gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia”.

**[ Menteri Pendidikan ]**

49. PR-1351-U(27)034

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ] akan mencadangkan :-**

“Bahawa Kerajaan Malaysia mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina di Malaysia (Certificate of Unified Examination for Independent Chinese Middle Schools in Malaysia) ataupun UEC sebagai sijil peperiksaan yang setaraf dengan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Di Sabah, ibu bapa dari kaum dan bangsa selain Cina turut menerima dan memilih sistem pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina. Malahan, jumlah pelajar di Sekolah - sekolah Menengah Persendirian Cina di Sabah yang bukan dari keturunan Cina adalah antara 25% sehingga 85%.

Kerajaan Sarawak telah mengiktiraf UEC sebagai peperiksaan yang diterima oleh perkhidmatan awam Sarawak. Kerajaan pusat juga telah berkali-kali menyatakan pertimbangan dalam mengiktiraf UEC.

Lebih 100 universiti dari 12 negara seperti Australia, UK, US dan lain-lain telah mengiktiraf UEC dan diterima sebagai sijil untuk memasuki universiti dan pusat pengajian tinggi sejak lebih tiga puluh tahun yang lepas.

Di sini, saya menggesa Dewan ini mengambil ketetapan untuk meluluskan cadangan bahawa UEC diterima oleh semua universiti, pusat pengajian tinggi tempatan dan juga perkhidmatan awam di Malaysia”.

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2017</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR.3	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara -Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) *Kementerian Dalam Negeri	4 April 2017
ST.11	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2016.	4 April 2017
ST.12	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) 2016 ACT.53 – Income Tax Act 1967 P.U(A) 355/2016 yang diwartakan pada 23 Disember 2016.	4 April 2017
ST.13	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Perintah Cukai Pendapatan (Perjanjian Multilateral Pihak Berkuasa Berwibawa Bagi Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) 2016 ACT.53 – Income Tax Act 1967 P.U(A) 356/2016 yang diwartakan pada 23 Disember 2016.	4 April 2017
ST.14	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016. ACT.53 – Income Tax Act 1967 P.U(A) 357/2016 yang diwartakan pada 23 Disember 2016.	4 April 2017
ST.15	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Perintah Cukai Pendapatan (Perjanjian Multilateral Pihak Berkuasa Berwibawa Mengenai Pertukaran Laporan Mengikut Negara) 2016 ACT.53 – Income Tax Act 1967 P.U(A) 358/2016 yang diwartakan pada 23 Disember 2016.	4 April 2017

<u>TAHUN</u> <u>2017</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.16	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Perintah Cukai Pendapatan (Konvensyen Mengenai Bantuan Tadbir Bersama Dalam Perkara Cukai) 2016 ACT.53 – Income Tax Act 1967 P.U(A) 353/2016 yang diwartakan pada 23 Disember 2016.	4 April 2017
ST.17	<b>Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014</b> Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Penaan Cukai bagi Pembekalan Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan) (Pindaan) (No.2) 2016 P.U(A) 364/2016 yang diwartakan pada 27 Disember 2016.	4 April 2017
ST.18	<b>Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014</b> Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) (Pindaan)(No.2) 2016 P.U(A) 369/2016 yang diwartakan pada 27 Disember 2015	4 April 2017
ST.19	<b>Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014</b> Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Penaan Cukai bagi Pembekalan Berkenaan Dengan Zon Bebas) 2016 P.U(A) 373/2016 yang diwartakan pada 29 Disember 2016.	4 April 2017
ST.20	<b>Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014</b> Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No.3) 2016 P.U(A) 376/2016 yang diwartakan pada 29 Disember 2016.	4 April 2017
ST.21	<b>Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014</b> Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) (Pindaan) 2016 P.U(A) 377/2016 yang diwartakan pada 29 Disember 2016.	4 April 2017
ST.25	<b>Akta Kastam 1967</b> Perintah Duti Kastam 2017 P.U.(A) 5/2017 yang diwartakan pada 1 Januari 2017.	4 April 2017



<u>TAHUN</u> <u>2017</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.26	<b>Akta Kastam 1967</b> Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2016 P.U.(A) 332/2016 yang diwartakan pada 20 Disember 2016.	4 April 2017
ST.27	<b>Akta Kastam 1967</b> Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN & Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) (No.5) 2016 P.U (A) 333/2016 yang telah diwartakan pada 20 Disember 2016.	4 April 2017
ST.28	<b>Akta Kastam 1967</b> Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN & Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) (No.4) 2016 P.U (A) 305/2016 yang telah diwartakan pada 1 Disember 2016	4 April 2017
ST.29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia Bagi Tahun 2016.	4 April 2017

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 4.4.2017 (Selasa)	1. YB Tuan Teo Kok Seong (Rasah)	1. Peruntukan Penyelenggaraan Untuk Sekolah Perlu Diturunkan Segera Demi Kepentingan Semua	1. YB Menteri Pendidikan
2. 4.4.2017 (Selasa)	2. YB Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	2. Isu Rumah Mampu Milik	2. YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**\*\* Ucapan-ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17 Baharu)**